

1 Lengkapkan maklumat tentang Nabi Muhammad SAW.

Nabi Muhammad SAW

(a) Latar belakang

Nama sebenar Baginda ialah (i) _____. Baginda dilahirkan pada 12 Rabiulawal Tahun Gajah/20 April 570 M dalam keluarga ternama dalam kalangan masyarakat (ii) _____. Setelah ibu bapa Baginda meninggal dunia, Baginda dipelihara oleh datuknya, iaitu (iii) _____. Setelah datuknya meninggal dunia, Baginda dipelihara oleh bapa saudaranya, iaitu (iv) _____.

(b) Diangkat menjadi Rasul

Baginda menerima wahyu pertama di (i) _____ pada 17 Ramadan/ 6 Ogos 610 M. Wahyu pertama ialah Surah al-Alaq. Surah ini bermula dengan perkataan Iqra' yang bermaksud (ii) _____.

(c) Peringkat penyebaran Islam

Penyebaran agama Islam dilakukan dalam dua peringkat, iaitu secara (i) _____ dan secara (ii) _____. Dakwah Islamiah pada peringkat awal disebarkan dalam kalangan saudara-mara dan sahabat terdekat. Dakwah secara terang-terangan telah dilakukan di (iii) _____. Setelah peristiwa itu, Baginda menghadapi tentangan yang hebat daripada masyarakat Arab Quraisy di Makkah. Pada 622 M, Baginda berhijrah ke (iv) _____ dan diangkat sebagai pemimpin kerajaan Islam yang pertama. Baginda telah merangka (v) _____ bagi membentuk negara Islam yang adil dan maju. Agama Islam seterusnya berkembang pesat dalam dan luar Semenanjung Tanah Arab. Agama Islam disebarkan melalui (vi) _____ dengan cara menghantar utusan ke Rom, Parsi, Mesir dan Habsyah. Islam juga disebarkan melalui para pendakwah yang berdagang.

2 Namakan tokoh Khulafa al-Rasyidin secara kronologi serta sumbangan mereka dalam penyebaran Islam.

(a) Khulafa al-Rasyidin

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

(b) Sumbangan

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____